


ASK



Dikemas kini pada
31 Julai 2023

Menjaga Keluarga Saya

Bolehkah saya
mendapat subsidi
penjagaan anak?

Bagaimana saya
boleh membayar
flat HDB saya?

Bagaiman saya
boleh menurunkan
perbelanjaan harian?



Tanyalah
saya!



JADIKAN PERJALANAN HIDUP LEBIH BAIK

Tidak kira di peringkat mana kehidupan anda berada – sama ada bakal berkahwin, memulakan sebuah keluarga, menjaga ibu bapa yang sudah lanjut usia, mencari pekerjaan baru atau merancang untuk persaraan – sokongan dan bantuan yang tepat boleh menjadikan perjalanan hidup lebih lancar.

Dalam siri e-buku kecil ini, anda boleh mendapatkan panduan ringkas dan gambaran yang luas mengenai dasar-dasar pemerintah dan skim-skim yang berkaitan dengan isu-isu kehidupan seperti penjagaan kesihatan, perumahan, pengangkutan, pembelajaran sepanjang hayat dan mata pencarian supaya anda lebih maklum untuk memulakan peringkat kehidupan seterusnya, menangani cabaran-cabaran yang tidak dijangka dan mendapatkan peluang-peluang yang sesuai untuk terus maju.

Terdapat tiga e-buku kecil dalam siri ini:

Menjaga Keluarga Saya
Maju Dalam Kerjaya Saya
Menjaga Warga Emas Kita



Muat turun e-buku AKK terkini di laman web PA kami di [go.gov.sg/akkbooklets!](http://go.gov.sg/akkbooklets)

TANYALAH KAKI-KAKI KOPI!

Ken dan *kaki-kakinya** amat dikenali di kawasan kejiranan mereka kerana senyuman mesra dan sembang mereka yang ceria yang membuat semua berasa selesa. Ken selalu berkongsi dengan orang ramai mengenai perkara-perkara terkini, dan jika anda memerlukan bantuan, beliaulah orang yang boleh membantu. Beliau seorang yang boleh diharap dan mengetahui semua perkara, termasuk panduan dan kenalan yang boleh membantu anda memulakan setiap peringkat kehidupan anda dengan pengetahuan dan nasihat yang berguna. Malah, beliau turut berkongsi mengenai skim-skim pemerintah yang boleh anda manfaatkan secara ringkas dan mudah!



Seperti orang lain, Ken pernah mengalami pelbagai cabaran kehidupan, tetapi melalui pengalamannya, dia tahu bahawa ramai yang boleh membantu, seperti kaki-kaki yang dipercayainya. Anda hanya perlu tahu ke mana untuk dituju dan kepada siapa untuk bertanya. Jadi, jika anda memerlukan bantuan dan sokongan, tanya sahaja Ken dan kaki-kakinya!

* Kakis - Rakan-rakan baik dalam bahasa pasar

BERSAMA ANDA, DALAM SETIAP LANGKAH PERJALANAN

1 Sediakan Rumah Anda Tanpa Beban Kewangan Pg 4 - 7

- Skim-skim Keutamaan untuk Pemilik Rumah Baharu
- Geran-geran untuk Pembeli Kali Pertama
- Geran-geran untuk Pembeli Kali Kedua

2 Membina Keluarga Tanpa Kebimbangan Berlebihan Pg 8 - 10

- Pakej Kehamilan MediSave
- MediSave untuk Prosedur Kehamilan Berbantu (ACPs)

3 Berikan Yang Terbaik untuk Anak-Anak Kita Pg 11 - 23

- Perlindungan MediShield Hayat Sejak Lahir
- Subsidi-subsidi Penjagaan Anak dan Bayi
- Akaun Edusave

4 Dapatkan Bantuan Untuk Perbelanjaan Harian Anda Pg 24 - 30

- Baucar GST
- Skim Bantuan Kesihatan Masyarakat (CHAS)
- ComCare

5 Menyara Orang Dewasa Kurang Upaya Pg 31 - 35

- Khidmat-khidmat Penjagaan Di rumah
- CareShield Hayat
- Penjagaan MediSave

6 Menikmati Sokongan Tambahan Pg 36 - 39

- Pelepasan Ibu Bapa/Anak yang Layak/Pasangan
- Pelepasan Anak untuk Ibu yang Bekerja
- Pelepasan Cukai Datuk Nenek Penjaga Cucu



Sediakan Rumah Anda Tanpa Beban Kewangan

Pg 4 - 7



Bina mahligai anda buat selamanya dengan skim-skim sokongan dalam bahagian ini:

- Skim-skim Keutamaan untuk Pemilik Rumah Baharu
- Geran-geran untuk Pembeli Kali Pertama
- Geran-geran untuk Pembeli Kali Kedua

RUMAHKU SYURGAKU

Sediakan rumah anda tanpa beban kewangan

Skim-skim Keutamaan Apabila Memohon Flat HDB Baru

Buat permohonan untuk flat baru melalui salah satu daripada skim-skim keutamaan berikut bagi mempertingkatkan peluang anda mendapat nombor giliran untuk memilih flat.

Kategori Kali Pertama (Ibu Bapa & Pasangan yang telah Bernikah)

- Syarat untuk layak:
 - Keluarga yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak Warga Singapura berusia 18 ke bawah atau pasangan yang telah bernikah berusia 40 ke bawah; dan
 - Tidak pernah memiliki atau menjual harta tanah kediaman sebelum ini; dan
 - Tidak berkesempatan untuk menempah flat BTO/SBF dalam tempoh lima tahun yang lalu daripada permohonan flat mereka.
- Dari bulan Ogos 2023, kumpulan ini akan mendapat sokongan tambahan dalam pembelian rumah pertama mereka:
 - Sebanyak tiga peluang undi untuk permohonan BTO/SBF mereka di semua estet.
 - Kelayakan untuk Skim Keutamaan Keluarga dan (FPPS), adalah hingga 40% bekalan flat awam di setiap BTO dan hingga 60% daripada bekalan flat awam di setiap SBF akan dikhatusukan untuk mereka.
 - Keutamaan pertama di bawah FPPS, apabila mereka memohon flat BTO 4 bilik atau lebih kecil di estet belum matang.



Skim Keutamaan Anak yang Sudah Berumahtangga

- Bagi anak-anak yang sudah berumahtangga dan tinggal bersama atau berdekatan (dalam lingkungan 4km) dengan ibu bapa mereka.
- Pasangan tunang boleh memohon.

Skim Keutamaan Anak Ketiga

- Bagi keluarga yang mempunyai lebih daripada dua orang anak.

Skim Keutamaan Keluarga Berangkai

- Bagi anak-anak yang sudah berumahtangga dan ibu bapa mereka yang memohon untuk tinggal dalam kawasan projek Bina Ikon Tempahan (BTO) yang sama.

Skim Bantuan untuk Pemohon Kali Kedua (ASSIST)

- Bagi pemohon kali kedua, orang yang bercerai atau balu dengan sekurang-kurangnya seorang anak warga Singapura di bawah umur 18 tahun.

Skim Keutamaan Penyewa

- Untuk penyewa-penyewa flat sewa yang tinggal di flat sewa selama sekurang-kurangnya 2 tahun dan ingin memiliki rumah sendiri.

HDB: 6490 1111 www.hdb.gov.sg



Geran-geran untuk Pembeli Kali Pertama

Hingga \$80,000 geran perumahan untuk keluarga dan orang bujang yang layak membeli flat HDB buat kali pertama.



Geran Perumahan CPF yang Dipertingkatkan (EHG)

- Menerima EHG sehingga \$80,000 berdasarkan purata pendapatan bulanan keluarga, dengan had pendapatan \$9,000.
- EHG tidak meletakkan batasan ke atas jenis flat atau lokasi dan meliputi flat baru serta flat jualan semula.

Geran untuk Keluarga yang membeli Flat HDB kali pertama

- Keluarga pembeli kali pertama yang membeli flat baharu boleh menikmati hingga \$80,000 dalam Geran Perumahan CPF yang Dipertingkatkan (EHG), selain diskaun pasaran yang ketara.
- Mereka yang membeli flat jualan semula boleh menikmati geran perumahan sehingga \$190,000. Ia terdiri daripada EHG, Geran Keluarga (sehingga \$80,000) dan Geran Perumahan Berhampiran (PHG) (sehingga \$30,000).

Geran untuk Golongan Bujang

- Golongan bujang berusia 35 tahun ke atas yang membeli flat buat kali pertama boleh menikmati EHG (Bujang) sehingga \$40,000 apabila membeli flat Fleksi 2-bilik (Pajakan 99 tahun) di estet tidak matang daripada HDB.
- Mereka yang membeli flat jualan semula boleh menikmati geran perumahan sehingga \$95,000, yang terdiri daripada EHG (Bujang), Geran Bujang (sehingga \$40,000) dan PHG (sehingga \$15,000).

Pilihan Perumahan untuk Ibu Bapa yang Tidak Bernikah

- Ibu bapa yang tidak bernikah yang memerlukan bantuan perumahan boleh menghubungi HDB. Setiap permohonan akan dinilai secara holistik, untuk memastikan anak-anak mereka boleh membesar di rumah yang stabil.
- Bagi ibu bapa yang tidak bernikah berusia 21 tahun ke atas, mempunyai pekerjaan stabil dan memiliki kewangan yang stabil, HDB boleh memberikan fleksibiliti untuk mereka membeli hingga flat 3 bilik di estet belum matang daripada HDB atau flat jualan semula.
- Setiap permohonan akan dinilai secara holistik dan secara individu, bagi melindungi kepentingan terbaik anak. Mereka yang tidak mampu untuk membeli flat akan dipertimbangkan untuk perumahan sewa awam.

HDB: 6490 1111 www.hdb.gov.sg



Geran-geran untuk Pembeli Kali Kedua



Pembeli kali kedua yang sebelum ini memiliki flat bersubsidi juga boleh meraih manfaat daripada geran perumahan.



Geran Perumahan Step Up CPF (SUHG)

- Bagi keluarga pembeli kali kedua yang:
 - berpindah dari flat bersubsidi 2 bilik semasa mereka di estet belum matang ke flat 3 bilik;
 - berpindah dari flat sewa awam mereka dan membeli flat 2 bilik atau 3 bilik;
- Keluarga yang layak boleh menikmati SUHG sebanyak \$15,000 bagi pembelian flat mereka yang seterusnya.

Skim Perumahan Permulaan Baru

- Bagi keluarga pembeli kali kedua dengan anak-anak kecil yang menyewa flat sewa awam dan inginkan permulaan baharu di rumah baharu kepunyaan sendiri.
- Ibu bapa mesti berusia antara 35 hingga 54 tahun, serta mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak Warga Singapura berusia 18 tahun ke bawah.
- Keluarga mesti layak untuk menerima Surat Penilaian Sosial daripada HDB.
- Keluarga yang layak akan menerima Geran Perumahan Permulaan Baru sebanyak \$50,000 dalam Akaun Biasa CPF mereka.
- Keluarga yang layak boleh membeli flat Fleksi 2 bilik atau flat 3 bilik dengan pilihan pajakan lebih pendek antara 45 hingga 65 tahun, selagi tempoh itu boleh meliputi pemilik dan pasangan yang menghuni bersama mereka hingga mereka berusia 95 tahun.
- Bagi memastikan rumah yang stabil untuk anak-anak, Tempoh Penginapan Minimum bagi flat ini ialah 20 tahun.

HDB: 6490 1111

www.hdb.gov.sg



Membina Keluarga Tanpa Kebimbangan Berlebihan

Pg 8 - 10

Bayi saya akan dilahirkan tidak lama lagi, adakah terdapat apa-apa bantuan untuk saya?



Tentunya ada! Ketahui tentang skim yang boleh membantu bakal ibu bapa dalam bahagian ini:

- Pakej Kehamilan MediSave
- MediSave untuk Prosedur Kehamilan Berbantu (ACPs)



MERANCANG UNTUK MENDAPAT ANAK

Membina keluarga tanpa kebimbangan berlebihan



Dengan adanya skim-skim sokongan ini, saya **boleh** memulakan perjalanan untuk menjadi ibu bapa dengan fikiran yang lebih tenang.

Pakej Kehamilan MediSave

- Ibu bapa boleh mengeluarkan sehingga \$900 daripada MediSave mereka untuk perbelanjaan perubatan sebelum bersalin.
- Mereka juga boleh menggunakan hingga \$550 sehari untuk dua hari pertama apabila dimasukkan ke hospital dan \$400 sehari dari hari ketiga dan seterusnya untuk penginapan hospital mereka, serta had pengeluaran tambahan untuk pembedahan antara \$750 hingga \$2600, bergantung pada jenis prosedur bersalin.

MediSave untuk Prosedur Kehamilan Berbantu (ACPs)

- ACPs seperti rawatan Teknologi Kehamilan Dibantu (ART) boleh membantu pasangan yang mengalami kesukaran untuk hamil.
- Pasangan boleh mengeluarkan sehingga \$6,000, \$5,000 dan \$4,000 daripada MediSave mereka bagi anak pertama, kedua dan ketiga dan kitaran ACPs yang seterusnya, sehingga \$15,000 sepanjang hayat mereka.



MOH: 6325 9220 www.moh.gov.sg



Pembiayaan Bersama yang Dipertingkatkan bagi Rawatan Kesuburan di Hospital Awam

- Termasuk prosedur persenyawaan in-vitro dan inseminasi intra-rahim (IUI) yang mungkin dapat membantu pasangan yang memerlukan bantuan perubatan untuk hamil.
- Pasangan yang layak yang ingin mendapatkan rawatan Teknologi Kehamilan Dibantu (ART) di hospital awam boleh menerima sehingga 75% pembiayaan bersama (sehingga \$7,700) daripada pemerintah, untuk maksimum 3 kitaran ART segar dan 3 kitaran ART beku.
- Pasangan yang layak yang menjalani prosedur IUI di pusat AR awam boleh menerima pembiayaan bersama sehingga 75%, dihadkan kepada \$1,000 bagi setiap kitaran rawatan, untuk 3 kitaran IUI.
- Sehingga dua daripada enam kitaran ART ini boleh dilakukan apabila wanita berusia 40 tahun atau lebih, selama pasangan sudah mencuba prosedur ART atau IUI sebelum wanita itu berusia 40 tahun.

MOH: 6325 9220 
www.moh.gov.sg 



Anggota Perkhidmatan Negara akan menerima kredit bernilai \$100 apabila mereka berkahwin atau menimang cahaya mata!

MINDEF: 1800 367 6767 
www.ns.sg 



Berikan Yang Terbaik untuk Anak-Anak Kita

Pg 11 - 23



Dalam bahagian ini, ketahui tentang skim-skim yang membantu keperluan anda dan anak-anak dalam penjagaan kesihatan, penjagaan anak dan pendidikan:

- Perlindungan MediShield Hayat Sejak Lahir
- Subsidi-subsidi Penjagaan Anak dan Bayi
- Akaun Edusave

MEMBESAR

Memberikan permulaan yang baik kepada anak-anak anda



Geran MediSave untuk Bayi yang Baru Lahir

- Semua bayi Warga Singapura akan menerima geran \$4,000 dalam akaun MediSave mereka, untuk membantu membiayai kos perbelanjaan penjagaan kesihatan, seperti premium MediShield Hayat, vaksinasi kanak-kanak yang disyorkan, kemasukan ke hospital dan rawatan pesakit luar yang diluluskan.

CPFB: 1800 227 1188 www.cpf.gov.sg

Perlindungan MediShield Hayat Sejak Lahir

- Semua bayi Warga Singapura secara automatik diberi perlindungan MediShield Hayat sejak lahir, termasuk bayi dengan keadaan kongenital dan neonatal.

MOH: 6325 9220 www.moh.gov.sg



Bonus Bayi - Hadiah Tunai (BBCG)

- Membantu ibu bapa membiayai kos penjagaan dan membesarakan anak pada peringkat awal. BBCG akan diagihkan secara tetap setiap enam bulan hingga anak-anak mencapai usia enam setengah tahun.
 - \$11,000 bagi anak mereka yang pertama dan ke-2.
 - \$13,000 bagi anak mereka yang ke-3 dan seterusnya.

Akaun Pembangunan Anak (CDA)

- Akaun simpanan khas dengan dua komponen:
 - Geran Langkah Pertama CDA:** Sumbangan Pemerintah sebanyak \$5,000 diberikan kepada setiap kanak-kanak tanpa memerlukan deposit pendahuluan daripada ibu bapa.
 - Padanan Bersama Pemerintah:** Deposit simpanan ibu bapa akan menerima padanan sedolar bagi sedolar daripada Pemerintah, hingga had yang telah ditentukan.

Turutan Kelahiran Anak	Komponen CDA		
	Geran Langkah Pertama (ibu bapa tidak perlu membuat deposit pendahuluan) (a)	Padanan Bersama Pemerintah Maksimum (b)	Jumlah Maksimum Sumbangan Pemerintah (a + b)
Anak Pertama		\$4,000	\$9,000
Anak Ke-2		\$7,000	\$12,000
Anak Ke-3		\$9,000	\$14,000
Anak Ke-4		\$9,000	\$14,000
Anak Ke-5 & Seterusnya	\$5,000	\$15,000	\$20,000

Tokokan CDA Tahun 2023

- Dari September 2023, anak kelahiran Singapura yang lahir dari tarikh 1 Jan 2017 hingga 31 Dis 2023 akan menerima tokokan sekali sebanyak \$400 kepada akaun CDA mereka.
- Maklumat lanjut tentang Skim Bonus Bayi yang Dipertingkatkan dan juga garis masa untuk agihan boleh didapati di laman web: go.gov.sg/mp2023enhanced-infographic.



MSF (Bonus Bayi): 1800 111 2222 www.babybonus.msf.gov.sg

Jangan bimbang! Kami memberi anda sokongan untuk memenuhi keperluan penjagaan kesihatan bayi anda hinggalah ke perbelanjaan harian mereka!

Pengecualian Yuran Permohonan Pasport Pertama untuk Bayi yang Baru Lahir

- Sejak 1 Januari 2020, yuran permohonan pasport bagi Warga Singapura yang baru lahir akan dikecualikan jika permohonan pasport pertama mereka dibuat sebelum hari lahir pertama mereka.

ICA: 6391 6100 www.ica.gov.sg



Penjagaan bagi Bayi dan Anak Kecil



Tempat yang disediakan untuk prasekolah harian penuh sudah meningkat lebih dua kali ganda sepanjang sedekad yang lalu dan buat masa ini terdapat tempat yang mencukupi untuk menampung setiap anak penduduk tetap berusia 3 tahun ke atas. 80% daripada kanak-kanak akan mendapat tempat di prasekolah yang disokong pemerintah menjelang tahun 2025.

Subsidi-subsidi Penjagaan Anak dan Bayi

- Keluarga yang mempunyai anak-anak Warga Singapura yang berdaftar di pusat penjagaan kanak-kanak berlesen Agensi Pembangunan Awal Kanak-kanak (ECDA) menerima subsidi asas bulanan sehingga \$600 untuk penjagaan bayi dan sehingga \$300 untuk penjagaan kanak-kanak.
- Keluarga yang mempunyai ibu yang bekerja dan pendapatan isi rumah kasar bulanan keluarga \$12,000 dan ke bawah atau pendapatan isi rumah per kapita adalah \$3,000 dan ke bawah, menerima subsidi tambahan bulanan berdasarkan ujian kemampuan sehingga \$710 untuk penjagaan bayi dan sehingga \$467 untuk penjagaan kanak-kanak.
- Golongan ibu yang tidak bekerja disebabkan keadaan tertentu (seperti sedang dalam proses mencari pekerjaan, hamil, menjaga anak kecil berusia 24 bulan dan ke bawah) juga boleh memohon untuk dipertimbangkan bagi subsidi ini berdasarkan kes demi kes.
- Keluarga di bawah Skim Sewa Awam HDB atau menerima bantuan ComCare akan layak menerima subsidi prasekolah maksimum secara automatik semasa permohonan, tanpa mengira status pekerjaan pemohon/bapa tunggal.
- Keluarga berpendapatan rendah yang layak juga boleh memohon untuk dipertimbangkan bagi Bantuan Kewangan Penjagaan Anak (selain dari subsidi asas dan tambahan) dan Geran Permulaan.

Skim Bantuan Yuran Tadika (KiFAS)

- Keluarga yang mempunyai anak Warga Singapura yang berdaftar di tadika kendalian Pengendali Utama atau Kementerian Pendidikan (MOE), dengan pendapatan keluarga kasar bulanan sebanyak \$12,000 ke bawah atau pendapatan keluarga per kapita sebanyak \$3,000 ke bawah, menerima bantuan KiFAS berdasarkan ujian kemampuan.
- Keluarga di bawah Skim Sewa Awam HDB atau menerima bantuan ComCare akan layak menerima subsidi maksimum KiFAS.
- Keluarga berpendapatan rendah yang memerlukan bantuan untuk kos pendaftaran permulaan boleh mohon Geran Permulaan KiFAS tahunan.

ECDA: 6735 9213 www.ecda.gov.sg



KidSTART

- Satu program untuk membolehkan kanak-kanak Warga Singapura berusia sehingga 6 tahun, daripada keluarga berpendapatan rendah untuk menikmati permulaan yang baik dalam kehidupan.
- Membantu ibu bapa dan penjaga dalam bidang-bidang pembangunan awal kanak-kanak, menyelaras dan mengukuhkan sokongan untuk keluarga di mana perlu dan memantau kemajuan pertumbuhan kanak-kanak sejak lahir dan seterusnya.

KidSTART: 6908 0155 
www.kidstart.sg 



Saya gembira kerana mendapat sokongan yang saya perlukan untuk setiap peringkat kehidupan anak saya!

Dengan adanya langkah-langkah ini, setiap anak, tidak kira latar belakang, akan diberikan permulaan hidup yang baik. Mereka akan diberi asas yang kukuh untuk berkembang, merealisasikan impian mereka dan meneruskan perjalanan pembelajaran sepanjang hayat!



Intervensi Awal (EI) untuk Kanak-kanak Berusia 0 hingga 6 Tahun

Peringkat awal kehidupan kanak-kanak ialah tempoh yang kritikal bagi pembangunan mereka. Intervensi Awal menyentuh potensi pertumbuhan untuk membantu kanak-kanak dengan keperluan pembangunan (DN) memperoleh kemahiran yang memaksimumkan keupayaan mereka untuk berdikari.

a) Program Sokongan Pembangunan - Sokongan Pembelajaran (DS-LS)

- Kanak-kanak yang memerlukan sokongan EI tahap rendah boleh disyorkan untuk menerima sokongan jangka pendek di persekitaran prasekolah.

b) Program Intervensi Awal untuk Bayi dan Kanak-kanak (EIPIC)

- Kanak-kanak yang memerlukan sokongan EI tahap sederhana ke tinggi boleh disokong dengan lebih baik oleh sepasukan pakar EI dan pakar kesihatan bersekutu di bawah EIPIC.
- Secara alternatif, kanak-kanak ini boleh mendapatkan perkhidmatan di bawah **Program Campur Tangan Awal bagi Bayi dan Kanak-kanak - Swasta**.

c) Program Sokongan Pembangunan Plus (DS-Plus)

- Kanak-kanak yang mencapai kemajuan yang mencukupi di bawah EIPIC boleh beralih untuk menerima campur tangan dalam persekitaran prasekolah.

d) Program Sokongan Inklusif (InSP)

- Kanak-kanak yang memerlukan sokongan EI tahap sederhana mungkin sesuai untuk InSP. InSP memberikan kanak-kanak yang sedang membangun dan kanak-kanak dengan keperluan pembangunan suatu pengalaman pembelajaran yang inklusif dalam persekitaran prasekolah.

Lihat Panduan Ibu Bapa untuk Anak Kecil yang Memerlukan Campur Tangan Awal:
go.gov.sg/ecda-parentsguide-malay



SG Enable: 1800 8585 885
www.enablingguide.sg



Skim Simpanan Keperluan Khas

- Membolehkan ibu bapa mengetepikan simpanan CPF mereka untuk penjagaan jangka panjang anak-anak berkeperluan khas.
- Ibu bapa boleh menamakan anak mereka yang berkeperluan khas untuk menerima pembayaran secara tetap setelah kematian mereka.

Syarikat Amanah Keperluan Khas (SNTC)

- Menyediakan perkhidmatan amanah yang dimampui kepada golongan berkeperluan khas. Setelah kematian atau ketidakupayaan penjaga, SNTC akan bertindak sebagai pemegang amanah bagi mengurus dan mentadbir dana untuk orang tersayang anda.
- Amanah ini juga memastikan bahawa orang tersayang anda yang berkeperluan khas mendapat bahagian daripada wasiat, insurans dan penamaan simpanan CPF anda.

SG Enable: 1800 8585 885 
www.sgenable.sg 

Syarikat Amanah Keperluan Khas: 6278 9598 
www.sntc.org.sg 



Penjagaan bagi Kanak-kanak yang Bersekolah

Akaun Edusave

- Pelajar Warga Singapura boleh menggunakan Edusave mereka untuk membayar:
 - program pengayaan yang dianjurkan oleh sekolah;
 - yuran rampaian yang diluluskan dan
 - alat pembelajaran peribadi di sekolah menengah, maktab rendah dan Institusi Millenia di bawah program pembelajaran digital yang dianjurkan oleh sekolah.
- Pelajar sekolah rendah dan menengah yang belajar di sekolah yang dibiayai Kementerian Pendidikan (MOE) akan menerima sumbangan tahunan sebanyak \$230 dan \$290.
 - Kanak-kanak Warga Singapura berusia 7 hingga 12 yang tidak belajar di sekolah dibiayai oleh MOE akan menerima kuantum yang terpakai bagi pelajar sekolah rendah.
 - Kanak-kanak Warga Singapura berusia 13 hingga 16 yang tidak belajar di sekolah dibiayai oleh MOE akan menerima kuantum yang terpakai bagi pelajar sekolah menengah.
- Pada bulan Mei 2023, kanak-kanak warga Singapura akan menerima tokokan sekali sebanyak \$300 kepada akaun Edusave mereka.

Dermasiswa Merit Edusave

- Bergantung pada peringkat pendidikan, pelajar yang layak yang berada dalam lingkungan 25% terbaik bagi setiap peringkat (kecuali Darjah 1 dan 2) serta telah menunjukkan tingkah laku yang baik akan menerima antara \$200 hingga \$500.
- Terpakai bagi pelajar Singapura di sekolah pemerintah, bantuan pemerintah, pendidikan khusus dan maktab rendah/Institut Millennia, politeknik serta ITE dengan pendapatan kasar sebanyak \$7,500 ke bawah atau berpendapatan per kapita keluarga sebulan sebanyak \$1,875 ke bawah.

Biasiswa Edusave

- Bagi pelajar Singapura dalam lingkungan 10% terbaik di peringkat mereka berdasarkan keputusan keseluruhan dan menunjukkan tingkah laku yang baik. Bergantung pada peringkat, pelajar akan menerima \$350 atau \$500.



Pusat Jagaan Pelajar Khas

- Menyediakan khidmat jagaan sebelum dan selepas sekolah bagi pelajar sekolah Pendidikan Khas (SPED) yang berusia 7 hingga 18 tahun.
- Keluarga dengan pendapatan kasar bulanan keluarga \$9,200 atau kurang, atau pendapatan per kapita \$2,300 atau kurang, layak mendapatkan subsidi berdasarkan ujian kemampuan.

Sekolah anak

Akaun Pendidikan Pos-Menengah (PSEA)

- Membantu ibu bapa menabung untuk pendidikan pos-menengah anak-anak mereka.
- Akaun Pendidikan Pos-Menengah (PSEA) akan dibuka secara automatik:
 - Apabila terdapat baki Akaun Perkembangan Anak atau Akaun Edusave anak tersebut untuk dipindahkan kepada PSEA; atau
 - Pada tahun pertama apabila anak tersebut layak mendapat sumbangan/anugerah Pemerintah.
- Pada bulan Mei 2023, kanak-kanak warga Singapura akan menerima tokokan sekali sebanyak \$300 kepada akaun PSEA mereka.

MOE: 6260 0777 
www.moe.edu.sg 

Skim Bantuan Yuran Penjagaan Pelajar

- Subsidi penjagaan pelajar bagi pelajar (berusia 7 hingga 14) Warga Singapura atau Penduduk Tetap (sekurang-kurangnya seorang ahli keluarga dalam rumah mestilah Warga Singapura) dan menghadiri Pusat Penjagaan Pelajar yang berdaftar di MSF.
- Keluarga dengan pendapatan kasar bulanan keluarga \$4,500 ke bawah, atau pendapatan per kapita bulanan \$1,125 ke bawah, layak menerima subsidi bulanan sehingga \$290 untuk yuran penjagaan pelajar dan Geran Permulaan sekali sehingga \$400 bagi setiap anak untuk kos permulaan seperti wang deposit, yuran pendaftaran, pakaian seragam dan insurans.

MSF (ComCare): 1800 222 0000 
www.msf.gov.sg/comcare 

Skim Bantuan Kewangan Kementerian Pendidikan

- Bagi pelajar warga Singapura yang merupakan sebahagian daripada keluarga dengan pendapatan kasar sebanyak \$3,000 ke bawah atau pendapatan bulanan per kapita sebanyak \$750 ke bawah dan belajar di sekolah pemerintah, bantuan pemerintah serta sekolah pendidikan khusus.
- Termasuk subsidi penuh yuran sekolah, yuran rampaian standard, subsidi pengangkutan (untuk semua peringkat dari sekolah rendah hingga pra-universiti), buku teks percuma, pakaian seragam sekolah dan subsidi makan sekolah (untuk peringkat sekolah rendah dan menengah sahaja), serta dermasiswa tunai tahunan (untuk peringkat pra-universiti sahaja).



Dermasiswa Pemerintah bagi Institusi Pendidikan Pos-Menengah (PSEI)

- Semua pelajar Warga Singapura sepenuh masa di PSEI awam dengan pendapatan kasar bulanan keluarga \$10,000 ke bawah, atau pendapatan per kapita kasar bulanan keluarga \$2,500 dan ke bawah layak untuk mendapat Dermasiswa Pendidikan Tinggi Masyarakat atau Dermasiswa Pendidikan Tinggi, bergantung kepada pendapatan keluarga mereka.

Peringkat	Jumlah Dermasiswa Tahunan dari TK2023
Pelajar ITE Nitec dan Nitec Tinggi	\$440 - \$1,600 (Mereka yang berada dalam golongan berpendapatan paling rendah juga akan menerima subsidi yuran pengajian 100%)
Pelajar Diploma	\$900 - \$2,950
Mahasiswa (tidak termasuk mahasiswa Perubatan / Pergigian)	\$1,350 - \$6,300
Mahasiswa Perubatan dan Pergigian NUS / NTU	\$6,200 - \$20,200 (NUS) \$11,000 - \$25,000 (NTU)

- Semua pelajar Warga Singapura separuh masa di PSEI awam dengan pendapatan kasar bulanan keluarga \$10,000 ke bawah atau pendapatan per kapita kasar bulanan keluarga \$2,500 ke bawah layak untuk menerima Dermasiswa Pendidikan Tinggi.

Peringkat	Jumlah Dermasiswa Tahunan dari TK2023
Pelajar Nitec ITE Separuh Masa Pelajar Nitec Lanjutan	\$140
Diploma Sambilan	\$320 - \$850
Mahasiswa Sambilan	\$720 - \$2,550

MOE: 6260 0777 
www.moe.edu.sg 



Pas Konsesi Perjalanan

- Kanak-kanak di bawah usia 7 tahun dengan ketinggian 0.9 m ke atas boleh menaiki pengangkutan awam secara percuma kad konsesi kanak-kanak yang sah. Kanak-kanak di bawah ketinggian 0.9 m dan ditemani oleh pengguna pengangkutan awam yang membayar tambang boleh melakukan perjalanan dengan percuma secara automatik..
- Yuran bulanan untuk pelajar dari peringkat Sekolah Rendah hingga Universiti, dan Anggota Perkhidmatan Negara:

	Perjalanan Tanpa Had bagi Perkhidmatan Bas Asas	Perjalanan tanpa had bagi Kereta Api	Perjalanan tanpa had bagi Bas Asas dan Kereta Api
Pelajar Sekolah Rendah	\$24.00	\$21.00	\$43.50
Pelajar Sekolah Menengah (termasuk JC/ITE) / Pelajar Diploma Sepenuh Masa*	\$29.00	\$26.50	\$54.00
Mahasiswa Sepenuh Masa* / Anggota Perkhidmatan Negara Sepenuh Masa	\$55.50	\$48.00	\$90.50

* Termasuk pelajar yang layak yang belajar di Institusi Pendidikan Swasta yang berdaftar dengan Majlis Pendidikan Swasta, atau pelajar yang belajar di rumah yang mengambil Peperiksaan Sijil Pendidikan Am (GCE) Singapura-Cambridge peringkat N, O atau A, atau kelayakan Baccalaureate Antarabangsa.

SimplyGo: 1800 2255 663 
www.simplygo.com.sg 



Skim Cuti dan Faedah Ibu Bapa



Kami sudah pun berkeluarga. Jadi, alangkah baiknya jika kami boleh menghabiskan **lebih banyak masa** dengan anak-anak kami.



Sebagai ibu bapa yang bekerja, saya menghargai skim cuti ibu bapa. Skim ini membolehkan saya meluangkan masa dan memupuk hubungan dengan anak-anak saya!

Cuti Bersalin Bergaji yang Dibayar Pemerintah (GPML)

- Ibu bekerja yang layak, termasuk ibu yang bekerja sendiri, berhak mendapat Cuti Bersalin Bergaji yang Dibayar Pemerintah (GPML) selama 16 minggu, cuti ini boleh diambil dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kelahiran anak.

Cuti Bapa Bergaji yang Dibayar Pemerintah (GPPL)

- Bapa bekerja yang layak (termasuk bapa yang bekerja sendiri), berhak mendapat Cuti Bapa Bergaji yang Dibayar Pemerintah (GPPL), cuti ini boleh diambil dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kelahiran anak. GPPL akan digandakan dari 2 ke 4 minggu* layak bagi bapa kepada anak yang lahir dari 1 Januari 2024.

**Tambah 2 minggu diberikan secara sukarela. Majikan yang bersedia memberikan tambahan 2 minggu GPPL akan dibayar balik oleh Pemerintah.*

Cuti yang Dikongsi Ibu Bapa yang Dibayar Pemerintah (SPL)

- Bapa bekerja yang layak, termasuk bapa yang bekerja sendiri boleh berkongsi hingga 4 minggu dari Cuti Bersalin Bergaji yang Dibayar Pemerintah (GPML) atau faedah Cuti Anak Angkat (AL) isteri mereka, tertakluk pada persetujuan isteri mereka.

Cuti Anak Angkat untuk Ibu (AL)

- Ibu angkat bekerja yang layak, termasuk ibu yang bekerja sendiri, layak mendapat Cuti Anak Angkat (AL) selama 12 minggu, yang boleh diambil dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kelahiran anak.

Skim Cuti Bergaji yang Dibayar Pemerintah: 1800 253 4757 www.profamiliyleave.msf.gov.sg



Faedah Bagi Ibu Bersalin yang Dibayar Pemerintah (GPMB)

- Ibu bekerja yang layak, termasuk ibu yang bekerja sendiri, yang tidak layak mendapat GPML disebabkan aturan kerja mereka boleh menikmati faedah tunai yang setara dengan bahagian yang dibayar Pemerintah bagi GPML, sekiranya mereka bekerja untuk tempoh sekurang-kurangnya 90 hari dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh kelahiran anak warga Singapura mereka.

Faedah Pengambilan Anak Angkat yang dibayar Pemerintah (GPAB)

- Ibu angkat bekerja yang layak, termasuk ibu angkat yang bekerja sendiri, yang tidak layak mendapat faedah Cuti Anak Angkat disebabkan aturan kerja mereka boleh menikmati faedah tunai yang setara dengan bahagian yang dibayar Pemerintah bagi faedah Cuti Anak Angkat untuk Ibu, sekiranya mereka bekerja untuk tempoh sekurang-kurangnya 90 hari dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh kelahiran anak warga Singapura mereka.

Faedah Paterniti yang Dibayar Pemerintah (GPPB)

- Bapa kandung dan bapa angkat bekerja yang layak, termasuk bapa yang bekerja sendiri, yang tidak layak mendapat GPPL disebabkan aturan kerja mereka boleh menikmati faedah tunai bersamaan dengan bahagian yang dibayar Pemerintah bagi GPPL, sekiranya mereka bekerja sekurang-kurangnya untuk tempoh 90 hari dalam tempoh 12 bulan sebelum tarikh Niat Rasmi untuk Mengambil Anak Angkat.

Cuti Penjagaan Anak Bergaji yang Dibayar Pemerintah (GPCL)

- Ibu bapa bekerja yang layak dan mempunyai anak bongsu warga Singapura berusia di bawah 7 tahun boleh menikmati cuti GPCL selama 6 hari setahun bagi setiap ibu bapa yang bekerja setiap tahun.

Cuti Penjagaan Anak yang Dilanjutkan (ECL)

- Ibu bapa bekerja yang layak dan mempunyai anak bongsu warga Singapura berusia antara 7 hingga 12 tahun boleh menikmati cuti ECL selama 2 hari setahun bagi setiap ibu bapa yang bekerja setiap tahun.
- Bagi mereka yang mempunyai anak dalam kedua-dua kumpulan umur (iaitu di bawah 7 tahun dan juga di antara 7 hingga 12 tahun), jumlah cuti penjagaan anak untuk setiap ibu bapa adalah maksimum 6 hari setahun.

Cuti Penjagaan Bayi Tanpa Gaji (UICL)

- Ibu bapa bekerja yang layak, yang mempunyai anak warga Singapura di bawah usia 2 tahun boleh menikmati cuti penjagaan bayi tanpa gaji selama 6 hari bagi setiap ibu bapa setiap tahun, untuk dua tahun pertama anak. Dari 1 Januari 2024 dan seterusnya, UICL akan dinaikkan sebanyak 6 hari tambahan bagi setiap ibu bapa setiap tahun untuk ibu bapa yang layak. Ini bermakna setiap ibu bapa boleh mengambil sejumlah 12 hari UICL setiap tahun untuk 2 tahun pertama anak.



Skim Cuti Bergaji yang Dibayar Pemerintah: 1800 253 4757
www.profamiliyleave.gov.sg

Dapatkan Bantuan Untuk Perbelanjaan Harian Anda

Pg 24 - 30

Dalam bahagian ini, ketahui tentang banyak skim untuk membantu anda dan keluarga anda dengan perbelanjaan harian anda:

- Baucar GST
- Skim Bantuan Kesihatan Masyarakat (CHAS)
- ComCare



HIDUP SEJAHTERA

Dapatkan Bantuan Untuk Perbelanjaan Harian Anda

Baucar GST - Rebat Bayaran Perkhidmatan & Penyenggaraan (S&CC)

- Keluarga HDB Singapura yang layak akan menerima Rebat S&CC antara 1.5 hingga 3.5 bulan setiap tahun bergantung pada jenis flat mereka.

Jenis Flat HDB	Jumlah rebat bulanan S&CC				
	Januari	April	Julai	Oktober	Jumlah setiap tahun
1- dan 2-bilik	0.5	1	1	1	3.5
3- dan 4-bilik	0.5	1	0.5	0.5	2.5
5-bilik	0.5	0.5	0.5	0.5	2.0
Eksekutif / Keluarga Berangkai	-	0.5	0.5	0.5	1.5

*Untuk pertanyaan mengenai S&CC yang perlu dibayar, sila hubungi Majlis Bandaran masing-masing.

HDB: 1800 866 3078 
www.hdb.gov.sg 

MOF: 1800 222 2888 
www.mof.gov.sg 



Baucar GST - Tunai

- Menyediakan wang tunai kepada warga Singapura berpendapatan rendah yang layak untuk memenuhi keperluan segera mereka.
- Pada tahun 2023, jumlah tunai akan ditingkatkan lagi hingga \$350.

Warga Singapura berusia 21 tahun dan ke atas dengan AI sebanyak \$34,000 dan ke bawah	Memiliki 0 hingga 1 hartanah	
	AV ≤ \$13,000	\$13,000 < AV ≤ \$21,000
GSTV - Tunai pada tahun 2022	\$400	\$250
GSTV - Tunai pada tahun 2023	\$700	\$350
GSTV - Tunai pada tahun 2024	\$850	\$450

Pasukan Baucar GST: 1800 222 2888 
www.gstvoucher.gov.sg 

Baucar GST – U-Save, AP U-Save and COL U-Save

- Rebat U-save untuk isi rumah HDB yang layak bagi membantu melunasi bil utiliti mereka.
- Dengan AP U-Save dan Bayaran Khas COL U-Save 2023, keluarga yang layak akan menerima rebat GSTV – U-Save dua kali ganda pada tahun 2023.

Jenis Flat HDB	GSTV – U-Save	AP U-Save & COL U-Save	Jumlah GSTV – U-Save bagi tahun 2023
	Diberi dalam 4 pembayaran pada Januari, April, Julai dan Oktober 2023		
1- and 2-bilik	\$380	\$380	\$760
3-bilik	\$340	\$340	\$680
4-bilik	\$300	\$300	\$600
5-bilik	\$260	\$260	\$520
Eksekutif / Keluarga Berangkai	\$220	\$220	\$440



Pakej Jaminan untuk GST

- Pembayaran Tunai**

Setiap warga Singapura berumur 21 tahun dan ke atas akan menerima pembayaran tunai \$700 hingga \$2,450 dari 2022 - 2026, bergantung pada pendapatan yang ditaksir (AI) dan pemilikan harta tanah.

Warga Singapura berusia 21 dan ke atas dalam Tahun Pembayaran	Tempoh Pembayaran	Memiliki 0 hingga 1 harta tanah			Memiliki > 1 harta tanah	
		Pendapatan yang Ditaksir (AI)				
		AI ≤ \$34,000	\$34,000 < AI ≤ \$100,000	AI > \$100,000		
2023	Dis 2022	\$200	\$150	\$100	\$100	
2024	Dis 2023	\$800	\$500	\$200	\$200	
2025	Dis 2024	\$600	\$350	\$200	\$200	
2026	Dis 2025	\$600	\$350	\$100	\$100	
2027	Dis 2026	\$250	\$150	\$100	\$100	
Jumlah		\$2,450	\$1,500	\$700	\$700	

- Tokokan MediSave**

Warga Singapura yang berusia 20 tahun dan ke bawah atau 55 tahun dan ke atas akan menerima Tokokan MediSave setiap tahun sebanyak \$150 dari 2023 hingga 2025.

Usia Warga Singapura pada tahun pembayaran	20 tahun dan ke bawah	55 tahun dan ke atas
2023		\$150
2024		\$150
2025		\$150
Jumlah		\$450

Pasukan Pakej Jaminan: 1800 2222 888 
go.gov.sg/assurancepackage 

Skim Baucar Majlis Pembangunan Masyarakat (CDC) 2023

- Dari Januari 2023, setiap keluarga warga Singapura boleh menuntut Baucar CDC bernilai \$300.
- \$150 daripada Baucar CDC boleh digunakan di kedai serta pusat penjaja dalam kawasan perumahan yang mengambil bahagian dan \$150 lagi boleh digunakan di pasar raya yang mengambil bahagian hingga 31 Disember 2023.
- Setiap keluarga warga Singapura juga akan menerima Baucar CDC bernilai sebanyak \$500 pada Januari 2024.



Bayaran Khas Kos Sara Hidup (COL) 2023

- Setiap warga Singapura berusia 21 tahun ke atas akan menerima bayaran antara \$200 hingga \$400 pada bulan Jun 2023, bergantung pada Pendapatan yang Ditaksir (AI) serta pemilikan hartanah.

Pendapatan yang Ditaksir (AI)	Warga Singapura berusia 21 dan ke atas dalam 2023
	Memiliki 0 hingga 1 hartanah
AI ≤ \$22,000	\$400
\$22,000 < AI ≤ \$34,000	\$300
\$34,000 < AI ≤ \$100,000	\$200

Tokokan Akaun Pembangunan Anak (CDA), Akaun Edusave dan Akaun Pendidikan Pos-Menengah (PSEA) 2023

- Setiap kanak-kanak warga Singapura akan menerima tokokan sekali sebanyak \$400 kepada akaun CDA mereka dari September 2023.
- Setiap kanak-kanak warga Singapura berusia antara 7 hingga 20 tahun akan menerima tokokan sekali sebanyak \$300 kepada akaun Edusave dan PSEA masing-masing pada bulan Mei 2023.

Usia Warga Singapura pada Tahun 2023	Akaun yang menerima tokokan	Jumlah	Anggaran Garis Masa
0 - 6 tahun	CDA	\$400	Dari Sep 2023
7 - 16 tahun	Edusave	\$300	Mei 2023
17 - 20 tahun	PSEA	\$300	Mei 2023

MediSave500 dan MediSave700

- Setiap pesakit boleh mengeluarkan sehingga \$500 atau \$700 (bagi pesakit yang menghidap penyakit kronik yang rumit) setiap tahun dari MediSave mereka untuk rawatan pesakit luar bagi penyakit di bawah Program Pengurusan Penyakit Kronik (CDMP), vaksinasi dan pemeriksaan kesihatan yang diluluskan.

Subsidi untuk Vaksinasi

- Warga Singapura yang layak boleh menikmati subsidi antara \$35 hingga \$125 untuk vaksinasi yang disyorkan di peringkat nasional yang diberikan di klinik-klinik swasta CHAS.
- Di poliklinik, golongan dewasa warga Singapura yang layak boleh menerima sehingga 75% subsidi untuk vaksin di bawah Jadual Imunisasi Dewasa Nasional (NAIS), dengan warga emas Generasi Perintis dan Generasi Merdeka menerima subsidi tambahan.

Subsidi bagi Pemeriksaan Pembangunan Kanak-kanak (CDS)

- Bagi kanak-kanak warga Singapura dari usia 0 hingga 6 tahun yang menghadiri Pemeriksaan Pembangunan Kanak-kanak menurut peringkat-peringkat yang disyorkan di bawah garis panduan tempatan.
- Anak warga Singapura yang layak boleh menerima subsidi penuh untuk pemeriksaan tujuh peringkat pembangunan kanak-kanak yang disyorkan, di klinik GP CHAS dan poliklinik.



MOH: 6325 9220
www.moh.gov.sg



**COMMUNITY
HEALTH
ASSIST
SCHEME**

Skim Bantuan Kesihatan Masyarakat (CHAS)

- Warga Singapura boleh menerima subsidi-subsiidi untuk rawatan perubatan dan pergigian di Klinik Doktor Swasta (GP) dan klinik pergigian yang mengambil bahagian berhampiran rumah mereka.
- Warga Singapura kini boleh memohon CHAS secara dalam talian di www.chas.sg.

Kriteria CHAS		CHAS Hijau (Dari 1 Nov 2019)	CHAS Jingga	CHAS Biru
Pendapatan bulanan keluarga setiap anggota (untuk Keluarga dengan Pendapatan)		Melebihi \$2,000	\$1,201 - \$2,000	\$1,200 dan ke bawah
Nilai Tahunan (AV) Rumah (untuk Keluarga Tanpa Pendapatan)		Melebihi \$21,000	\$13,001 - \$21,000	\$13,000 dan ke bawah
Subsidi CHAS				
Sakit Biasa* (cth. Batuk dan Selsema)	Tidak Berkenaan	Subsidi sehingga \$10 bagi setiap lawatan	Subsidi sehingga \$18.50 bagi setiap lawatan	
Keadaan Kronik Tertentu^	Tidak Rumit	Subsidi sehingga \$28 bagi setiap lawatan, dihadkan kepada \$112 setiap tahun	Subsidi sehingga \$50 bagi setiap lawatan, dihadkan kepada \$200 setiap tahun	Subsidi sehingga \$80 bagi setiap lawatan, dihadkan kepada \$320 setiap tahun
	Rumit	Subsidi sehingga \$40 bagi setiap lawatan, dihadkan kepada \$160 setiap tahun	Subsidi sehingga \$80 bagi setiap lawatan, dihadkan kepada \$320 setiap tahun	Subsidi sehingga \$125 bagi setiap lawatan, dihadkan kepada \$500 setiap tahun
Perkhidmatan Pergigian Tertentu	Tidak Berkenaan	Subsidi sebanyak \$50 hingga \$170.50 bagi setiap prosedur (untuk rawatan korona, gigi palsu dan saluran akar saraf sahaja)	Subsidi sebanyak \$11 hingga \$256.50 bagi setiap prosedur (bergantung pada prosedur)	
Subsidi Kesihatan Pencegahan				
	CHAS	Merdeka Generation	CHAS	CHAS
	Rakyat Singapura/CHAS Hijau yang Layak	Generasi Merdeka, CHAS Biru atau Jingga	Generasi Perintis	
Pemeriksaan Kesihatan yang Disarankan di bawah Skrin untuk Kehidupan (SFL) **	Bayaran tetap sebanyak \$5 setiap lawatan	Bayaran tetap sebanyak \$2 setiap lawatan	\$0	

* Terhad kepada 24 lawatan untuk sakit biasa bagi setiap pesakit setiap tahun kalender, di semua klinik swasta CHAS.

** Ini termasuk saringan untuk faktor risiko kardiovaskular (iaitu kencing manis, tekanan darah tinggi, kolesterol darah tinggi), barah usus dan barah pangkal rahim di klinik swasta CHAS. Servis saringan kanser payudara di bawah SFL ditawarkan di poliklinik terpilih pada kadar berikut: \$25 bagi Generasi Perintis, \$37.50 bagi Generasi Merdeka dan \$50 bagi Warga Singapura. Bagi Warga Singapura yang berdaftar dengan SG Yang Lebih Sihat (HSG), saringan di bawah Saringan untuk Kehidupan yang disyorkan di peringkat nasional akan disubsidi sepenuhnya di klinik HSG mereka yang berdaftar.

^ "Tidak Rumit" merujuk kepada lawatan untuk satu penyakit kronik. "Rumit" merujuk kepada lawatan untuk beberapa penyakit kronik, atau satu penyakit kronik dengan komplikasi.

Semak www.chas.sg untuk butiran penuh subsidi pergigian.

Talian Penting CHAS: 1800 275 2427

www.chas.sg





Bantuan Sementara ComCare

- Memberi bantuan kepada Warga Singapura dan Penduduk Tetap yang memerlukan bantuan mendesak dan segera selama kurang dari 3 bulan.
- Bagi mereka yang mempunyai pendapatan bulanan keluarga \$1,900 ke bawah, atau pendapatan per kapita bulanan keluarga \$650 ke bawah.

Bantuan Jangka Pendek hingga Sederhana ComCare

- Memberi bantuan kepada Warga Singapura dan Penduduk Tetap yang sedang mencari pekerjaan atau tidak dapat bekerja buat sementara waktu kerana sakit atau tanggungjawab penjagaan.
- Bagi mereka yang mempunyai pendapatan isi rumah bulanan sebanyak \$1,900 dan ke bawah atau pendapatan isi rumah per kapita \$650 dan ke bawah.

Bantuan Jangka Panjang ComCare

- Memberi bantuan kepada Warga Singapura dan Penduduk Tetap yang tidak dapat bekerja secara tetap kerana sakit, tua atau hilang upaya, dan mempunyai sedikit atau tiada sokongan keluarga, simpanan atau aset untuk bergantung bagi keperluan harian.
- Isi rumah yang layak boleh menerima berikut:

Saiz Isi Rumah	Kadar (Bantuan Tahap Utama)
1 orang	\$640
2 orang	\$1,080
3 orang	\$1,510
4 orang	\$1,930

MSF (ComCare): 1800 222 0000 www.msf.gov.sg/comcare

Konsesi Pengangkutan bagi Orang Dewasa

- Pas Perjalanan Bulanan bagi orang dewasa (Warga Singapura dan Penduduk Tetap) berharga \$128 sebulan.

SimplyGo: 1800 2255 663 www.simplygo.com.sg

Pembantu Rumah Migran (MDW)

- Keluarga boleh mendapat faedah daripada kadar levi konsesi sebanyak \$60 sebulan jika mereka menggajikan MDW untuk menjaga warga Singapura yang tinggal di rumah yang sama dan merupakan seorang:
 - Kanak-kanak di bawah 16 tahun; atau
 - Warga emas berusia sekurang-kurangnya 67 tahun; atau
 - Orang kurang upaya yang memerlukan bantuan untuk sekurang-kurangnya 1 Kegiatan Kehidupan Harian.

MOM: 6438 5122 www.mom.gov.sg



Menyara Orang Kurang Upaya

Pg 31 - 35



Terdapat banyak bantuan untuk menyokong Orang Kurang Upaya dalam kehidupan sehari-hari mereka. Ketahui lebih lanjut dalam bahagian ini:

- Khidmat-khidmat Penjagaan Di rumah
- CareShield Hayat
- Penjagaan MediSave

Terima kasih Ken!
Saya gembira
mendapat tahu
bahawa terdapat
bantuan yang
saya perlukan!



MENYARA ORANG KURANG UPAYA

Skim Pekerjaan dan Kemahiran SGUnited untuk Orang Kurang Upaya (PWD)

- Nikmati hingga 60% diskaun bagi tambang pengangkutan awam dewasa. Tiada tambang tambahan untuk perjalanan melebihi 7.2km.
- Mereka juga boleh membeli Pas Konsesi Bulanan berharga \$64 sebulan untuk perjalanan bas dan kereta api tanpa had.

SimplyGo: 1800 2255 663 
www.simplygo.com.sg 

Subsidi Pengangkutan Pengupayaan (ETS)

- Subsidi sehingga 80% untuk tambang pengangkutan bagi orang kurang upaya yang perlu menggunakan pengangkutan khusus yang disediakan oleh Agensi Perkhidmatan Sosial untuk mendapatkan perkhidmatan penjagaan.

SG Enable: 1800 8585 885 
www.sgenable.sg 

Skim Subsidi Teksi

- Untuk Golongan Orang Kurang Upaya yang bergantung sepenuhnya kepada teksi untuk perjalanan ke sekolah, tempat kerja atau tempat latihan yang berkaitan dengan pekerjaan.
- Untuk Orang Kurang Upaya dengan pendapatan keluarga per kapita \$2,800 sebulan dan ke bawah.
- Orang Kurang Upaya boleh menerima subsidi sehingga 80%, bergantung pada pendapatan keluarga bulanan per kapita.

Dana Teknologi Bantuan (ATF)

- Menyediakan subsidi berdasarkan ujian kemampuan hingga 90% daripada kos alat teknologi bantuan yang diperlukan oleh Orang Kurang Upaya (PWD), tertakluk pada had sepanjang hayat sebanyak \$40,000.

SG Enable: 1800 8585 885 
www.sgenable.sg 

Geran Penjagaan Di Rumah

- Penerima penjagaan yang layak boleh menerima bayaran tunai bulanan hingga \$400 setiap bulan untuk membantu dalam membiayai kos perbelanjaan penjagaan bagi mereka yang selalu memerlukan sedikit bantuan untuk melakukan tiga atau lebih Kegiatan Kehidupan Harian*.

*Makan, mandi, memakai pakaian, pemindahan, menggunakan tandas, berjalan atau bergerak.

AIC: 1800 650 6060 
www.aic.sg 

Khidmat-khidmat Penjagaan Di Rumah

- Menawarkan sokongan penjagaan alternatif bagi orang dewasa kurang upaya dengan matlamat mengekalkan mereka dalam sekitaran masyarakat selama mungkin.
- Perkhidmatan yang ditawarkan termasuk terapi, penjagaan kebersihan peribadi, mengemas rumah, memberikan peringatan untuk mengambil ubat dan latihan kemahiran hidup.

SG Enable: 1800 8585 885 
www.sgenable.sg 



Menyara Orang Kurang Upaya

ElderShield

- Pemegang polisi ElderShield 400 yang dilahirkan pada tahun 1970 hingga 1979 dan tidak mengalami ketidakupayaan teruk akan didaftarkan secara automatik ke dalam CareShield Hayat.

CPFB: 1800 227 1188 
go.gov.sg/cpfeldershield 

MOH: 6325 9220 
go.gov.sg/moheldershield 

CareShield Hayat

- Skim insurans jangka panjang yang memberikan sokongan kewangan asas sekiranya Warga Singapura dan Penduduk Tetap mengalami ketidakupayaan teruk, terutama pada usia tua, serta memerlukan penjagaan peribadi serta perubatan untuk jangka masa yang lama.
 - Mereka yang lahir pada tahun 1980 atau kemudian dilindungi CareShield Hayat secara automatik dari 1 Oktober 2020, atau apabila mencapai usia 30 tahun, mana yang lebih kemudian.
 - Mereka yang lahir pada tahun 1979 atau lebih awal boleh memilih untuk sertai CareShield Hayat, jika mereka tidak mengalami ketidakupayaan teruk.
- CareShield Hayat memberikan perlindungan dan jaminan yang lebih baik:
 - Bayaran wang tunai sepanjang hayat selama mana pemegang polisi mengalami ketidakupayaan teruk.

MOH: 1800 222 3399 
www.careshieldlife.gov.sg 

ElderFund

- Membantu Warga Singapura berpendapatan rendah yang mengalami ketidakupayaan teruk, berusia 30 tahun ke atas, serta tidak mendapat manfaat daripada CareShield Hayat, ElderShield, atau Program Bantuan Sementara untuk Orang Lanjut Usia Kurang Upaya dan mempunyai baki MediSave yang rendah serta simpanan peribadi yang tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan penjagaan jangka panjang mereka.

AIC: 1800 650 6060 
go.gov.sg/elderfund 



Menyara Orang Kurang Upaya

Penjagaan MediSave

- Membolehkan Warga Singapura dan Penduduk Tetap yang mengalami ketidakupayaan teruk, berusia 30 tahun ke atas untuk mengeluarkan wang tunai setiap bulan bagi keperluan penjagaan jangka panjang mereka.
- Pengeluaran sehingga \$200 (secara keseluruhan) boleh dibuat dari akaun MediSave mereka sendiri dan/atau pasangan mereka, bergantung pada baki MediSave mereka.

Baki MediSave	Jumlah Pengeluaran Bulanan
\$20,000 ke atas	\$200
\$15,000 ke atas	\$150
\$10,000 ke atas	\$100
\$5,000 ke atas	\$50
Di bawah \$5,000	Tiada


CPFB: 1800 227 1188 
www.cpf.gov.sg 

MOH: 1800 222 3399 
www.moh.gov.sg 

Skim Pekerjaan dan Kemahiran SGUnited untuk Orang Kurang Upaya (PWD)

- Dua program yang menyediakan peluang pekerjaan dan latihan untuk PWD:
 - Penempatan Kerja-dan-Latihan: PWD akan ditempatkan dengan majikan dan dilatih untuk peranan baru sepenuh masa atau kontrak. Majikan akan menerima sokongan gaji 90% daripada Pemerintah.
 - Bekerja sambil Berlatih: PWD akan ditempatkan dengan syarikat tuan rumah untuk latihan sambil kerja dan berstruktur serta diberi elauan yang disubsidi oleh Pemerintah.

SG Enable: 1800 8585 885 
go.gov.sg/opendoorprogramme 



Menikmati Sokongan Tambahan

Pg 36 - 39



MENIKMATI SOKONGAN TAMBAHAN

Pelepasan Cukai dan Rebat*

*Had pelepasan cukai pendapatan peribadi sebanyak \$80,000 dikenakan kepada jumlah keseluruhan pelepasan cukai yang dituntut untuk setiap Tahun Taksiran.

Pelepasan Ibu Bapa / Ibu Bapa Kurang Upaya

- Individu boleh menuntut sebanyak \$5,500 atau \$9,000* bagi menyara ibu bapa, datuk nenek, ibu bapa mertua atau datuk nenek mertua mereka, jika tanggungan tidak mempunyai pendapatan tahunan melebihi \$4,000 pada tahun sebelum itu.
- Individu boleh menuntut sebanyak \$10,000 atau \$14,000* jika tanggungan mereka kurang upaya. Individu boleh berkongsi pelepasan itu mengikut pembahagian yang dipersetujui.

*Jika mereka tinggal di rumah yang sama.

Pelepasan Cukai Adik Beradik Kurang Upaya

- Tuntut pelepasan cukai sebanyak \$5,500 bagi setiap adik-beradik atau adik-beradik ipar kurang upaya jika anda telah menanggung sekurang-kurangnya \$2,000 untuk menyokong mereka pada tahun sebelum itu.
- Individu boleh berkongsi pelepasan itu mengikut pembahagian yang dipersetujui.

Pelepasan Cukai Pasangan / Pasangan Kurang Upaya

- Tuntut pelepasan cukai sebanyak \$2,000 jika pasangan anda tidak mempunyai pendapatan tahunan melebihi \$4,000 pada tahun sebelum itu dan \$5,500 jika pasangan anda kurang upaya.

Pelepasan Insurans Hayat

- Bagi individu yang mempunyai jumlah sumbangan wajib pekerja CPF dan sumbangan wajib MediSave/ Caruman CPF Secara Sukarela sebagai individu yang bekerja sendiri kurang daripada \$5,000 pada tahun 2022 dan telah bayar untuk polisi insurans hayat mereka sendiri / pasangan mereka pada tahun 2022.
- Buat tuntutan untuk mana-mana yang lebih rendah:
 - perbezaan antara \$5,000 dengan jumlah sumbangan CPF; atau
 - hingga 7% daripada nilai yang diinsuranskan atas nyawa anda/pasangan,
 - atau jumlah premium insurans yang dibayar.

Pelepasan Skim Persaraan Tambahan (SRS)

- Untuk tokokan dalam akaun SRS anda, Warga Singapura/Penduduk Tetap akan menerima pelepasan berdasarkan sumbangan SRS mereka, hingga \$15,300.

Rebat Cukai Keibubapaan (PTR)

- Ibu bapa yang sudah berkahwin, bercerai atau balu boleh menuntut rebat cukai antara \$5,000 hingga \$20,000 bergantung kepada susunan kelahiran anak anda.
- Kanak-kanak tersebut ialah Warga Singapura* apabila dilahirkan atau dalam tempoh 12 bulan selepas itu.
- Pasangan boleh berkongsi Rebat Cukai Keibubapaan untuk imbalan cukai pendapatan yang perlu dibayar.

* Kanak-kanak yang lahir di luar negara mungkin layak untuk PTR jika syarat kelayakan dipenuhi, termasuk garis masa yang ditetapkan untuk kanak-kanak itu mendapat Kewarganegaraan Singapura.

Pelepasan Anak yang Layak (QCR)/ Pelepasan Anak Kurang Upaya (HCR)

- Tuntut pelepasan cukai sebanyak \$4,000 bagi setiap anak yang berusia bawah 16 tahun atau belajar sepenuh masa, dan tidak mempunyai pendapatan tahunan melebihi \$4,000 pada tahun sebelum itu. Ibu bapa yang menyara anak kurang upaya boleh menerima pelepasan cukai \$7,500 bagi setiap anak.
- Ibu bapa boleh berkongsi QCR / HCR mengikut pembahagian yang dipersetujui.

Pelepasan Anak untuk Ibu yang Bekerja (WMCR)

- Ibu yang bekerja (bernikah, bercerai atau balu) boleh menuntut pelepasan cukai antara 15% hingga 25% daripada pendapatan yang diperolehnya bagi kanak-kanak Warga Singapura yang dilahirkan atau diambil sebagai anak angkat sebelum 1 Januari 2024, bergantung pada susunan kelahiran anak tersebut.
- WMCR akan ditukar daripada peratusan pendapatan yang diperoleh ibu yang layak kepada pelepasan cukai dolar tetap untuk anak-anak yang dilahirkan atau diambil sebagai anak angkat pada atau selepas 1 Januari 2024 (iaitu berkuat kuasa dari Tahun Taksiran 2025).
- WMCR berserta QCR / HCR dihadkan kepada \$50,000 bagi setiap anak.
- Maklumat lanjut tentang perubahan WMCR boleh didapati di: go.gov.sg/mp2023enhanced-infographic.

Pelepasan Anggota Perkhidmatan Negara (Diri sendiri, Isteri dan Ibu Bapa)

- Antara \$1,500 hingga \$5,000 untuk anggota Perkhidmatan Negara dan \$750 untuk isteri dan ibu bapa, berdasarkan sama ada aktiviti khidmat negara telah dilakukan pada tahun kerja sebelumnya (iaitu dari 1 Apr hingga 31 Mac).

Pelepasan Pendapatan Pencarian

- Terima pelepasan antara \$1,000 hingga \$8,000 bergantung pada usia anda jika anda telah memperoleh pendapatan bercukai daripada pekerjaan, pencen atau perdagangan pada tahun sebelum itu.
- Pekerja kurang upaya akan menerima pelepasan yang lebih tinggi antara \$4,000 hingga \$12,000.



Menikmati Sokongan Tambahan

Pelepasan Yuran Kursus

- Bagi kursus yang dihadiri untuk meningkatkan kemahiran dan peluang pekerjaan.
- Tuntut yuran kursus yang telah anda bayar hingga maksimum \$5,500 setahun, tanpa mengira bilangan kursus, seminar, atau persidangan yang telah anda hadiri.

Pelepasan Tokokan Tunai CPF

- Bagi tokokan Akaun Khas/Persaraan/MediSave sendiri atau orang yang anda sayangi.
- Terima pelepasan cukai sehingga \$16,000 setahun (maksimum \$8,000 untuk diri sendiri dan maksimum \$8,000 untuk ahli keluarga*).

* Pasangan/Adik-Beradik tidak boleh mempunyai pendapatan tahunan melebihi \$4,000 pada tahun sebelum tokokan tersebut.

Pelepasan Cukai Datuk Nenek Penjaga Cucu

- Ibu yang bekerja (bernikah, bercerai atau balu) yang mendapatkan bantuan ibu bapa dan datuk nenek mereka (termasuk mertua) untuk menjaga anak Warga Singapura mereka (berusia 12 tahun ke bawah pada tahun sebelum itu atau kanak-kanak kurang upaya yang belum bernikah) boleh menuntut pelepasan cukai hingga \$3,000.

Konsesi Levi Pembantu Rumah Asing (FDWLR)

- Ibu yang bekerja (bernikah, bercerai atau balu) mempunyai anak yang bersekolah boleh menuntut pelepasan cukai bagi levi pembantu rumah asing sebanyak dua kali ganda (bagi seorang pembantu rumah asing) pada tahun sebelum itu. FDWLR akan luput untuk semua pembayar cukai dari Tahun Taksiran 2025 dan seterusnya.

IRAS: 1800 356 8300 
www.iras.gov.sg 



Dengan **pelepasan cukai** ini,
saya boleh berjimat lebih
banyak untuk keluarga saya!

Program Sokongan

Program Pengukuhan keluarga di Pusat Khidmat Keluarga (FAM@FSC)

- Program Sokongan untuk keluarga yang menjalani peralihan dalam struktur keluarga seperti kaunseling keluarga.
- Hubungi FAM@FSC untuk mendapatkan bantuan lanjut.

MSF: 6355 6388 
www.msf.gov.sg/FAMatFSC 



NOMBOR TALIAN YANG BERGUNA

AIC (Agensi Penjagaan Bersepadu)	1800 650 6060	www.aic.sg
CHAS (Skim Bantuan Kesihatan Masyarakat)	1800 275 2427	www.chas.sg
CPFB (Lembaga Tabung Simpanan Pekerja)	1800 227 1188	www cpf.gov.sg
ECDA (Agenzia Pembangunan Awal Kanak-kanak)	6735 9213	www.ecda.gov.sg
HDB (Lembaga Perumahan & Pembangunan) • Rebah S&CC	6490 1111 1800 866 3078	www.hdb.gov.sg
ICA (Penguasa Imigresen dan Pusat Pemeriksaan)	6391 6100	www.ica.gov.sg
IRAS (Penguasa Hasil Mahsul Singapura)	1800 356 8300	www.iras.gov.sg
MINDEF (Kementerian Pertahanan)	1800 367 6767	www.ns.sg
MOE (Kementerian Pendidikan)	6260 0777	www.moe.edu.sg
MOF (Kementerian Kewangan) • Pasukan Baucar GST • Skim-skim Sokongan Lain	1800 222 2888 1800 222 2888 1800 222 2888	www.mof.gov.sg www.gstvoucher.gov.sg www.supportgowhere.gov.sg
MOH (Kementerian Kesihatan) • ComCare • CareShield Hayat	6325 9220 1800 222 0000 1800 222 3399	www.moh.gov.sg www.msf.gov.sg/comcare www.careshieldlife.gov.sg
MOT (Kementerian Pengangkutan)	6270 7988	www.mot.gov.sg
MSF (Kementerian Pembangunan Sosial dan Keluarga) • Bonus Bayi • ComCare • Skim-skim Cuti Dibayar Pemerintah	6355 6388 1800 111 2222 1800 222 0000 1800 253 4757	www.msf.gov.sg www.babybonus.msf.gov.sg www.msf.gov.sg/comcare www.profamilyleave.msf.gov.sg
NPTD (Divisyen Kependudukan dan Bakat Nasional) Dibuat Untuk Keluarga - Gambaran keseluruhan sokongan untuk perkahwinan dan keibubapaan		www.madeforfamilies.gov.sg go.gov.sg/mpbooklet
SG Enable	1800 858 5885	www.sgenable.sg
SimplyGo	1800 225 5663	www.simplygo.com.sg
SNTC (Syarikat Amanah Keperluan Khas)	6278 9598	www.sntc.org.sg
SP Group	6671 7117	www.spgroup.com.sg

Maklumat telah disusun oleh Divisyen Penglibatan Rakyat & Pemerintah, Persatuan Rakyat (PA). Untuk maklumat lanjut, sila hubungi agensi-agensi berkaitan seperti yang disenaraikan di atas.



People's Association